

UM SAHKAN KEMASUKAN PELAJAR CEMERLANG, IZZ IMIL

Home > All News



Universiti Malaya ingin mengesahkan kemasukan pelajar cemerlang berusia 12 tahun, Izz Imil sebagai pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik, Fakulti Sains Universiti Malaya.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman, Izz Imil telah melalui proses temuduga dengan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh universiti dan diluluskan Senat Universiti bagi menyambung pengajian di Universiti Malaya.

"Memandangkan usia Izz Imil yang begitu muda, pihak universiti memohon semua pihak untuk memberikan ruang dan privasi kepada pelajar tersebut melalui proses pembelajaran dan penyesuaian diri di universiti. Perkara ini penting bagi membolehkan beliau dapat melalui proses tumbesaran yang kondusif di samping menjalani pengajian dengan baik," tambah beliau.

Last Update: Oct 01, 2024